

R GB 10-10 00172 BD257

bah

Mahathir - LIMA

PM YAKIN TEMPAT TINGGAL MENCUKUPI SEMASA LIMA '93

LANGKAWI, 10 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin peserta dan pengunjung Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 1993 (LIMA '93) tidak akan menghadapi masalah penginapan semasa pameran itu berlangsung dari 7 hingga 12 Dis ini.

"Kita mempunyai bilangan bilik yang boleh dikatakan mencukupi di sini," katanya kepada pemberita selepas mengakhiri lawatan dua hari bagi meninjau persiapan LIMA '93, di sini, hari ini.

"Persiapan sedang dibuat untuk menambah tempat penginapan dan saya lihat banyak rumah tumpangan dan hotel kecil sedang dibina," katanya.

Semasa LIMA '91, tempat tinggal menjadi masalah bagi peserta dan pengunjung.

Katanya sekiranya terlalu ramai pengunjung, kemungkinan bilangan bilik tidak mencukupi dan kapal pesiaran mungkin digunakan sebagai hotel.

Dr Mahathir juga yakin pengangkutan feri ke Langkawi tidak akan menimbulkan masalah kerana Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) kini turut mengendalikan dua buah feri penumpang yang masing-masing boleh membawa 250 penumpang. -- Lagi

▼10/10/18-02MST

R GB 10-10 00159 BD258

bah

Mahathir - LIMA 2 Langkawi

Katanya feri ketiga LADA dijangka tiba di sini awal bulan depan dan dapat beroperasi sebelum LIMA.

Daripada segi pengangkutan udara pula, katanya, Mofaz Air kini mengadakan perkhidmatan dari Alor Setar ke Langkawi sebagai tambahan kepada syarikat penerbangan lain yang mengadakan perkhidmatan dari pelbagai destinasi ke sini.

Perdana Menteri juga berkata Langkawi akan mempunyai sebuah restoran unik, terletak dalam kawasan hutan bakau di Kisap.

Restoran itu mungkin yang pertama seumpamanya di dunia kerana pengunjung terpaksa berjalan kaki sejauh setengah kilometer dalam kawasan hutan bakau untuk sampai ke restoran berkenaan, katanya.

Katanya pembangunan hotel-hotel di Langkawi tidak akan menjejaskan alam sekitar kerana para pengusaha diarahkan tidak menebang pokok-pokok dengan sewenang-wenangnya.

Beliau juga berkata terpulang kepada para pengusaha untuk menjalankan projek pelancongan di pulau-pulau sekitar Pulau Langkawi dan setakat ini lapan buah chalet serta marina bot sedang disiapkan di Pulau Rebak. -- Lagi

▼10/10/18-02MST

bah

Mahathir - LIMA 3 (Akhir) Langkawi

Dr Mahathir yang tiba di sini petang semalam, turut melawat projek hotel di Teluk Datai, tapak restoran terapung di Kisap, pusat membeli-belah, Jetty Point dan tapak pameran maritim di Jeti Kuah.

Semalam, beliau melawat Pusat Pameran LIMA di lapangan terbang di sini dan projek pembinaan dua buah hotel.

Dalam lawatannya hari ini, Perdana Menteri diiringi Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Negeri Datuk Abu Bakar Taib, yang juga anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Langkawi, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Negeri Datuk Syed Razak Syed Zain, Pengurus Besar LADA Haji Halil Abdul Mutalib, Pegawai Daerah Langkawi Ku Nahar Ku Ibrahim dan Pengerusi Le' Proton LIMA Sdn Bhd (penganjur LIMA) Datuk Radzi Manan.

Sementara itu, Radzi berkata setakat ini 2,000 peserta akan mengambil bahagian dalam Lima '93 dan penganjur menempah 3,000 daripada 5,000 bilik hotel bertaraf antarabangsa di sini untuk kegunaan peserta dan tetamu kehormat.

Bagi pengunjung LIMA yang menghadapi masalah tempat tinggal, beliau mencadangkan mereka yang berkemampuan supaya menginap di Kuala Lumpur atau Pulau Pinang dan berulang-alik dengan kapal terbang kerana syarikat-syarikat penerbangan dijangka mengadakan penerbangan tambahan semasa LIMA. -- Bernama.

KHY RON

▼10/10/18-03MST